

Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia

Soalan-soalan Lazim – Yuran pemprosesan cek 50 sen

- 1. Bilakah yuran pemprosesan cek ini akan dikuatkuasakan?**

Yuran pemprosesan cek akan dikenakan mulai 2 Januari 2015.

- 2. Siapakah yang akan menanggung yuran pemprosesan cek tersebut?**

Yuran pemprosesan cek akan dikenakan ke atas pengeluar cek. Secara amnya, yuran akan didebit atau pun ditolak daripada akaun pengeluar cek .

- 3. Perlukah saya menambah yuran pemprosesan cek kepada jumlah yang ingin ditulis pada cek bagi menampung bayaran tersebut sewaktu mengeluarkan cek?**

Tidak, yuran pemprosesan cek akan didebit atau pun ditolak terus dari akaun anda.

- 4. Bilakah waktunya yuran pemprosesan cek akan dikenakan?**

Yuran pemprosesan cek akan dikenakan bila cek diterima oleh bank pengeluar cek untuk pemprosesan. Ini termasuk ketika cek dikemukakan di kaunter bank untuk penunaian atau sewaktu cek didepositkan ke dalam akaun.

- 5. Apa lagi bayaran yang perlu dibayar selain daripada yuran pemprosesan cek?**

Duti setem 15 sen yang selama ini perlu dibayar untuk setiap keping cek akan terus dikenakan bayaran.

- 6. Sekiranya saya memohon cek jurubank (sama ada dalam matawang tempatan atau asing, bergantung kepada bank berkenaan) / draf bank / draf permintaan matawang asing / perintah juruwang, perlukah saya membayar yuran pemprosesan cek tersebut?**

Ya, anda perlu membayar. Berkenaan cek jurubank (sama ada dalam matawang tempatan atau asing, bergantung kepada bank berkenaan) / draf bank / draf permintaan matawang asing / perintah juruwang, jika ia dikeluarkan oleh bank, pemohon instrumen tersebut perlu membayar yuran pemprosesan cek tersebut sewaktu membuat permohonan. Yuran pemprosesan cek tersebut adalah tambahan kepada duti setem dan komisen yang dikutip oleh pihak bank.

- 7. Sekiranya cek dikembalikan belum berbayar, adakah yuran pemprosesan cek itu akan dipulangkan?**

Tidak. Secara amnya, apabila sesuatu cek dikembalikan belum berbayar, yuran pemprosesan cek tidak akan dipulangkan dan tetap akan dikenakan. Namun begitu, sekiranya wujud kesilapan yang dibuat oleh pihak bank, yuran pemprosesan cek akan dipulangkan.

- 8. Adakah yuran pemprosesan cek akan dipulangkan kepada pengeluar cek sekiranya cek tersebut dikembalikan belum berbayar disebabkan oleh kesilapan yang dibuat oleh bank?**

Ya, dalam keadaan sedemikian, yuran pemprosesan cek akan dikembalikan kepada pengeluar cek. Kebiasaannya, pemulangan yuran ini akan dikredit atau pun dimasukkan terus ke dalam akaun pengeluar cek.

9. **Apa terjadi sekiranya cek tarikh kehadapan dikemukakan oleh penerima cek sebelum tarikh cek tersebut?**

Pengeluar cek akan tetap dikenakan yuran pemprosesan cek.

10. **Sekiranya cek yang dikembalikan itu dikemukakan semula kepada bank, adakah yuran pemprosesan cek akan dikenakan sekali lagi?**

Ya, pengeluar cek akan dikenakan yuran pemprosesan cek sekali lagi. Pengeluar cek akan dikenakan yuran pemprosesan cek setiap kali cek tersebut dikemukakan, sekiranya ianya berlaku lebih dari sekali.

11. **Bilakan yuran pemprosesan cek dikutip oleh bank?**

Bank berhak untuk menetapkan bila yuran pemprosesan cek itu akan dikutip. Ianya boleh dikutip atas dasar satu cek ke satu cek atau secara berkelompok, pada akhir hari perbankan atau setiap bulan. Bank perlu mengemukakan notis awal yang sewajarnya kepada pelanggan-pelanggan tentang waktu kutipan tersebut.

Anda dinasihatkan untuk memastikan bahawa akaun anda mempunyai wang yang mencukupi untuk membayar yuran pemprosesan cek tersebut.

12. **Apa yang akan terjadi sekiranya saya tidak mempunyai wang yang mencukupi di dalam akaun sewaktu bank mendebit yuran pemprosesan cek daripada akaun saya?**

Setiap bank akan mempunyai polisi dan prosedur dalaman masing-masing dalam menangani isu ini. Anda dinasihatkan untuk menghubungi bank anda secepat mungkin untuk mencari suatu penyelesaian yang terbaik.

(ruang ini sememangnya dibiarkan kosong)